

MUQADDIMAH

Tassawuf dan tarekat adalah salah satu bahagian dalam ilmu Islam yang wajib dihayati oleh setiap individu muslim berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadis. Ia adalah ilmu kesenian dan kemahiran mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui jalan-jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah, ahli keluarga, para sahabat dan tabi'in. Tassawuf dan tarekat yang telah berkembang maju dan subur di Nusantara (Indonesia, Malaysia, Brunei, Selatan Thailand dan Selatan Philipina) sejak berkembang suburnya Islam pada 1400 tahun M. Antara tokoh utama di Nusantara terdiri daripada wali 9 yang kebanyakan mereka adalah berketurunan Rasulullah ﷺ yang menjalankan dakwah di Jawa Tengah, Timur dan Barat Indonesia.

Ilmu ini telah melalui proses dan cabaran penolakan oleh mereka yang jahil, ego, tidak memiliki guru, dan gangguan dari syaitan dan jin serta manusia yang bersifat munafik dan fasik. Oleh yang demikian kajian oleh para sarjana amat diperlukan bagi menolak segala polomik persepsi yang negatif terhadap disiplin ilmu yang penting ini.

TOKOH PENGASAS UTAMA TQN

Prof. Dr Syed Muhammad Naqib al-Attas, TQN adalah tarekat yang menggabungkan dua tarekat iaitu qadiriyyah dan naqsyabandiah. Berikut adalah dua tokoh utama tersebut:

1. Sheikh Abdul Qadir al-Jailani (w.561H) bin Syed Abi Saleh Janki Daosti bin Syed Abdillah bin Syed Yahya al-Zahid bin Syed Muhammad bin Syed Daud bin Syed Musa bin Syed Abdillah bin Syed Musa al-Jun bin Syed Abdillah al-Mahdhi bin Syed Hassan Muatsanna bin Syed Hassan al-Sibthi bin Saidina Ali bin Abi Talib (sepupu dan menantu Rasulullah SAW). Maqam beliau terletak di Kota Baghdad. Bapanya dari jalur keturunan al-Hasani dan ibunya dari jalur keturunan al-Husaini. Adalah menjadi salah satu dari adat dan tradisi dalam TQN, menganjurkan majlis haul (memperingati ulang tahun kewafatan) sebagai iktibar berkaitan segala jasa tokoh ini dalam mengembangkan ilmu dan dakwahnya.

2. Sheikh Bahauddin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Naqsabandi (w. 791H), digelar sebagai Muhammad al-Bukhari. Beliau dilahirkan pada bulan Muharram 717H di Qasru Hinduwan berhampiran Bukhara. Sehingga hari ini TQN memberi sumbangan yang besar di Indonesia, Malaysia dan seluruh Nusantara. Antara tokoh Nusantara ialah Sheikh Ahmad Sambas, Abah Anom Tasek Malaya, Sheikh Khalil Bangkalan dan ramai lagi.

PERKEMBANGAN TQN DI NUSANTARA

Legasi keilmuan dan dakwah mereka diteruskan oleh tokoh seperti berikut:

1. Sheikh Yusuf Maqathar Al-Khalwati (w:1699M) yang bertarekat Naqsyabandiah, Alawiyah, Syatariah dan Khalwatiah.
2. Sheikh Abdul Rauf al-Singkili (w:1693M) di Aceh yang berguru dengan Sheikh Ahmad Qusashi di Madinah (w:1660M).

Bagi melestarikan aqidah ahli sunnah wal jamaah melalui disiplin ilmu tassawuf dan tarekat ini maka para tokoh ulama di Indonesia telah membentuk satu organisasi yang dinamakan jamiyah ahli aqatarikah, almu'tabarah, an-nahdiah indonesia pada 10 Oktober 1957 bersamaan 20 Rejab 1377 oleh kumpulan nahdatul ulama' (Nudtegalrejo, Magela, Jawa Tengah Indonesia). Kini Jamiyah ini dipimpin oleh tokoh tarekat alawiyah iaitu Habib Lutfi Ben Yahya.

Tokoh pengembang TQN yang popular di Nusantara ialah Syeikh Ahmad Khatib Sambas (w:1289H/1878M). Antara guru beliau ialah Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris al-Fatoni (w:1843M), Sheikh Samsudin, Sheikh Arsyad al-Banjari (w:1812M), Syeik Abdul Samad al-Falimbang. Menurut. Pengaruh ajaran tarekat ini boleh dilihat melalui rujukan kitab Fatul Arifin yang dikarang oleh Syed Ahmad Khatib Sambas. Kitab rujukan yang lain TQN, Sheikh Turki Ahmad Bin Mustofa al-Naqsyabandiyah Khalidiyah (w:1311H/1898M) kitabnya Jamik Usul al-Awliyah, Syeikh Amin Qurdi al-Irbili RA (w1332H/1914M) kitabnya Tanwir al-Qulub Fi Muamalah Alam al-Ghuyub, Sheikh Muhammad Bin Abdullah al-Khani kitabnya Bahja al-Thaniyah Fi Adab al-Tarekah, Sheikh Sulaiman al-Zuhdi kitabnya Majmuk Rasail Ala Usul al-Khalidiyah, Sheikh Muhammad Halqi al-Nazili (w:1301H/1884M) kitabnya Hazanah Al-Asra Jalilah al-Azkar, Sheikh Muhammad Salih al-Zawawi kitabnya Kaifiyah al-Zikr Ala Tarekah naqsyabandiah. Anak murid

beliau kebanyakannya dari Jawa dan Madura Indonesia.

Sheikh Ahmad Khatib Sambas telah melantik tiga orang khalifah bagi meneruskan usaha ilmu dakwah dalam tarekat ini yang pertama Sheikh Abdul Karib al-bantini (w:1897M) di Jawa Barat. Yang kedua Sheikh Talhah guru agong di Cirebon Jawa Barat. Yang ketiga, Sheikh Khalil Bangkalan w:1903M di Jawa Timur. Selepas itu lahirlah tokoh seperti Kiyai M.Hashim Assyaari w:1947M merupakan pengasas NU dan khalifah TQN di Jawa Timur, Kiyai Ramli Tamim, Kiyai Muslih Bin Abu Rahman (w:1981M) Abhah Annum, di Suralaya, Tasik Malaya.

PERKEMBANGAN TQN DI MALAYSIA

Pada tahun 2015, para ulama dan pencinta tassawuf dan tarekat di Malaysia telah mewujudkan satu pertubuhan yang dinamakan Pertubuhan Tarekat Mu'tabar Malaysia (PERTAMA) yang dinaungi oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. PERTAMA telah berjaya menganjurkan majlis zikir perdana (MZP) yang merangkumkan tarekat-tarekat mu'tabar di Malaysia antaranya Alauwiyah, naqsyabandiyah, tijaniyyah, almahdiyyah idrisiyah dan banyak lagi pada tahun 2015,2016, dan 2017 yang dihadiri oleh tokoh-tokoh ilmu tassawuf dan tarekat dalam dunia islam. Antara objektif PERTAMA adalah menghidup serta memberi nafas baru pelbagai bentuk amalan tradisi zikir yang bersumberkan dari al-Quran, hadis dan tokoh-tokoh Ahlullah. Atas rahmat dan berkah ilmu Allah SWT yang dikurniakan kepada Sheikh Ahmad Khatib Sambas, berkembang ilmu TQN ke Malaysia. Antara nama tokoh TQN di Malaysia ialah Sheikh Yassin, Ustaz Haji Muhammad Zuki Bin Syafie (Kedah), Ustaz Haji Mansor bin Saleh (Sabah), Ustaz Haji Mohtragnisa (Kuching, Sarawak), Ustaz Haji Abdul Latif (Terengganu).

Manakala tokoh ulama' TQN di Johor ialah Almarhum Kiyai Fadhil Bin Abu Bakar al-Banteni (w:1950M) di Lenga, Muar. Almarhum Dato Kiyai Haji Samsuddin Bin Haji Ridwan (w:1997) di Kundang Ulu, Muar. Kadi Ahmad Shah Bin Abdul Jabbar (w1971M) di Pontian, Kiyai Afandi Bin Kiyai Haji Ghazali Bin Kiyai Haji Siraj (Rumah Rezki, Rengit, Batu Pahat). YB Dato' Kiyai Haji Sohali Bin Salihin (Batu Pahat), Imam haji Jaafar Bin Haji Judi (Pontian), Imam Haji Sulaiman Bin Basri (Pontian).

PERTAMA cawangan Johor yang ditubuhkan pada 2015 dibawah pimpinan oleh Dr. Mohd Azman Bin Mohsin al-

Muari dan AJK nya telah berjaya menganjurkan MZP pada tahun 2016, 2017 yang bertujuan mempopularkan kumpulan tarekat-tarekat yang mu'tabarah di Negeri Johor yang berjumlah lebih kurang 15 tarekat.

JENIS AMALAN DALAM TQN

1. Anjuran dan mendidik anak-anak murid dengan berzikir samada bersendirian atau majlis zikrullah secara berjamaah dengan bacaan zikir secara kuat di masjid atau surau atau rumah kediaman
2. Majlis zikir termasuk solat duha, majlis ilmu, wirid, selawat dan doa yang dianjurkan secara berjamaah mingguan atau bulanan.
3. Amalan berpuasa secara mingguan isnin dan khamis atau sebelasan (sempena hari kelahiran Sheikh Abdul Qadir al-jailani pada 11hb Hijriyah.
4. Menganjurkan haul (sempena hari ulang tahun kewafatan) para tokoh tarekat QN.

FAEDAH DAN KESAN ZIKIR TQN

Menurut Ibnu Mohsin al-Muari (2017), terdapat 4 faedah utama dalam Majlis Zikrullah dalam Tarekat Mu'tabarah:

1. Meninggikan Syiar Allah SWT dengan menyeru nama namaNya terutama Asmaul Husna yang 99 (Objektif mencapai Maqasid Syariah).
2. Menarik perkara-perkara positif dalam kehidupan (menarik pelbagai rezeki yang zahir dan batin).
3. Menolak perkara-perkara negatif dalam kehidupan (gangguan dan kedengkian jin, syaitan dan manusia).
4. Memiliki rahsia dan cahaya yang besar dari Allah SWT.

KESIMPULAN

TQN adalah merupakan salah satu dari tarekat mu'tabarah yang diiktiraf oleh para ahli tassawuf dan tarekat di Nusantara. Sumbangan para tokoh melalui dakwah pendekatan menganjurkan majlis-majlis zikir telah berjaya membangunkan kerohanian para

pengamalanya. Sesungguhnya jasa para tokoh TQN telah berjaya mengarusperdanakan disiplin ilmu yang ketiga dalam islam iaitu ilmu ihsan sebagaimana yang termaktub dalam hadis Jibril dan Warta Kerajaan Negeri Johor 2016. Diharap kajian-kajian yang berbentuk ilmiah akan dapat terus dilakukan oleh para sarjana dipusat pengajian tinggi bagi mengukuhkan agenda akidah Ahli Sunnah Waljamaah umat islam di Nusantara.

والله أعلم بالصواب

RUJUKAN

Al-Quran

Ibnu Mohsin al-Muari (2017), Tradisi Talqin dan Taubah Dalam Tarekat Qadariah Wa Naqsabandiyah, Johor Bahru, Johor

Imam Abi Qasim Abdul Karim al-Qusairi (2011), Risalah al-Qusairiyah, Darul Qutub al-Ilmiyah, Jakarta: Indonesia Iskandar, Mir Rohom Noyo Syarkun (2016), Pengaruh Zikrullah Pada Manusia Menurut Perspektif Sains, Fakulti Tamadun Islam, UTM Skudai, Johor.

Sheikh Abdul Qadir al-Jailani (2012), al-Ghuniyah li Talib Tarek al-Haq, Darul Taufik Li Turath, al-Azhar Kaherah, Mesir.

(rumah rezki



TAREKAT QADIRIYAH NAQSABANDIYAH (TQN) TAREKAT MUKTABARAH



TEAM R & D

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990
Johor Bahru, Johor.

Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>

1439 H / 2018 M

Ditashihkan oleh : Jabatan Mufti Johor